

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar cadangan program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) kepada pembeli warga asing adalah usaha Kementerian memulihkan dan merencanakan ekonomi negara selain mengatasi masalah lambakan rumah tidak terjual di negara ini namun ia sebenarnya akan menyebabkan harga rumah meningkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan transaksi jual beli hartanah kediaman yang dikeluarkan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Suku Kedua Tahun 2019 sehingga kini (Jan - Jun 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah dengan jumlah sebanyak 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh rakyat Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran hartanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

2. Sehubungan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak urus setia program Malaysia My Second Home (MM2H) iaitu

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 24 September 2019 yang lalu bagi menyelaraskan mekanisme penjualan rumah mewah bernilai RM1 juta dan ke atas yang tidak terjual. Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedia maklum akan program MM2H ini dan telah terdapat kerjasama di antara MOTAC dan KDN berhubung kemasukan warga asing melalui program MM2H ini. Perbincangan susulan akan diadakan dengan pihak KDN bagi melihat penambahbaikan kepada program MM2H ini khususnya daripada aspek keselamatan negara apabila menerima kemasukan warga asing.

3. Berhubung kawalan penjualan rumah kepada warga asing, penetapan harga jualan hartanah mewah kepada warga asing adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (kini dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - MEA) iaitu Garis Panduan Perolehan Hartanah merujuk kepada hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas berkuat kuasa 1 Mac 2014. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut mempunyai dasar pemilikan hartanah warga asing bagi memastikan pihak pemaju tidak sewenang-wenangnya membina rumah mewah yang bertujuan untuk dijual kepada warga asing dan warga asing tidak sewenang-wenangnya boleh membeli rumah tanpa kawalan sehingga menimbulkan spekulasi pasaran harga rumah.

4. Mengenai pengumuman Belanjawan 2020 yang telah menurunkan had milikan rumah bagi warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000, KPKT sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan kementerian serta agensi lain yang terlibat seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), KDN, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kerajaan-kerajaan Negeri agar satu mekanisme kawalan dapat diwujudkan bagi mengelakkan spekulasi harga oleh pemaju dan menjaga kepentingan pembeli tempatan.

Sekian, terima kasih.